



15 Februari 2018
15 February 2018
P.U. (A) 44

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM
(PENGENDALIAN AERODROM) (PINDAAN) 2018

*CIVIL AVIATION (AERODROME OPERATIONS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM
(PENGENDALIAN AERODROM) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan perenggan 3(2)(*dd*), (*e*) dan (*f*) Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) (Pindaan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 19 Februari 2018.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016 [*P.U. (A) 98/2016*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pihak Berkuasa” kecuali dalam peraturan 6, 7, 12, 20, 21, 23, 24, 25, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 40, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 54, 55, 60, 63, 64, 65 dan 66; dan

(*b*) dalam peraturan 12, 23, 25, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 36, 37, 40, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 63, 65 dan 66, dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

Pindaan peraturan 6

3. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), (4) dan (6), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) dibuat kepada Pihak Berkuasa dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif;”;

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Menteri” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”; dan

(iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”;

(c) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan

(d) dalam subperaturan (5)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan

- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

Pindaan peraturan 7

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) dibuat kepada Pihak Berkuasa dalam bentuk dan disertakan dengan dokumen dan maklumat, sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif; dan”;

- (b) dalam subperaturan (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan

- (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”.

Pindaan peraturan 20

5. Subperaturan 20(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), (f) dan (g), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”;

- (b) dalam perenggan (d) dan (h), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan

(c) dengan menggantikan perenggan (i) dengan perenggan yang berikut:

“(i) mengemukakan kepada Pihak Berkuasa laporan tentang keadaan suatu aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.”.

Pindaan peraturan 21

6. Peraturan 21 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pengendali aerodrom hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa pemeriksaan yang dijalankan di bawah subperaturan (1) dalam had masa yang dinyatakan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.”.

Pindaan peraturan 24

7. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”; dan

(b) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”.

Pindaan peraturan 28

8. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pihak Berkuasa”; dan